**PERATURAN PEMARKAHAN**
**MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 SESI 2022/2023**

**PENDIDIKAN ISLAM**

KERTAS 1

2 JAM 30 MINIT

Skema modul ini mengandungi 15 halaman bercetak

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | Senaraikan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama.<br><br>**Dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama ialah:<br>P1 - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>P2 - Menghina / mengejek sunnah Rasulullah SAW.<br>P3 - Menghina golongan ulama / orang soleh.<br>P4 - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu / logik akal.<br>P5 - Menyanjung perbuatan maksiat.<br>P6 - Menghalalkan yang haram / mengharamkan yang halal.<br>P7- Bangga tidak menunaikan solat / Bangga tidak berpuasa<br><br>Catatan :<br>Jawapan bentuk sahaja diterima (bentuk bersifat umum, contoh lebih spesifik)<br><br>**Jawapan tidak diterima :**<br>• **Jawapan yang menjurus kepada perbuatan membatalkan iman contohnya:**<br>- **Mengakui Nabi Isa sebagai tuhan.**<br>- **Melakukan perbuatan upacara ibadah agama lain.**<br><br>• **Apa-apa sahaja <u>contoh</u> perbuatan tidak diterima, contohnya:**<br>- **Memijak al-Quran / koyak**<br>- **Mengatakan ulamak penipu**<br>- **Menghalalkan riba**<br><br>• **Contoh perbuatan berkaitan ibadat**<br>- **Tidak solat** | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** kesan perbuatan mempersendakan agama terhadap <u>individu</u>.<br><br>**Dua** kesan perbuatan mempersendakan agama terhadap <u>individu</u> ialah:<br>P1 - Membatalkan iman seseorang / murtad.<br>P2 - Hidup dimurkai / tidak dipandang oleh Allah/ dilaknat AllahSWT/ jauh daripada rahmat Allah SWT.<br>P3 - Dibenci / disisih oleh masyarakat / gagal dalam kehidupan.<br>P4 - Tidak mendapat kejayaan di dunia dan akhirat<br>P5 - Jiwa tidak tenang.<br><br>Catatan :<br>- Jawapan munasabah terhadap individu diterima<br><br>**Jawapan tidak diterima :**<br>- **kesan terhadap masyarakat tidak diterima.** | 2 isi x 1m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas.<br><br>**Dua** pengajaran ayat ialah :<br>P1- Kita hendaklah **menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama** /1m demi menjaga kesucian Islam. /1m<br>P2 - Kita hendaklah **menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan / gurauan** ialah sebahagiandaripada tipu daya dunia. /1m oleh itu perbuatan ini perlulah dielakkan./1m<br>P3 - Kita hendaklah sentiasa **memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama**/1m supaya hidup mestilah berpandukan ajaran al-Quran dan al Sunnah. /1m<br>P4 - Kita hendaklah **meyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan / syafaat kepada orang yangmempersendakan agama** /1m kerana melanggar perintahAllah SWT. /1m<br>P5 - Kita hendaklah **menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT** /1m dengan seksaanapi neraka. /1m<br>P6 - Kita hendaklah **mempertahankan kesucian Islam** /1m dengan pendekatan yang terbaik. /1m<br><br>Catatan :<br>- Hanya jawapan ini sahaja diterima.<br>- **Point di jawapan (a)(i) boleh di terima bawah P1** **Kita hendaklah mengelakkan diri daripada menghina ulamak agar hidup tenang.**<br><br>**Point utama :**<br>- **Mempersendakan agama**<br>- **Menjaga kesucian Islam** | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>1 isi = 1m<br>1 H = 1m |
| | (b) | (i) | Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br><br>**Dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain seseorang yang menyembunyikan sedekahnya ialah :<br>P1 - Pemimpin yang adil<br>P2 - Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT<br>P3 - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid<br>P4 - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT,bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>P5 - Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>P6 - Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | 2isi x 1m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Catatan :<br>Mesti menulis pelaku/ orang<br>**Jawapan tidak diterima :**<br>- **Menyembunyikan sedekah tidak diterima kerana sebahagian daripada soalan.**<br>- **Sebarang jawapan yang bermula dengan perbuatan/ sifat:**<br>**-Saling kasih mengasihi kerana Allah.**<br>**-Sentiasa taat kepada perintah Allah** | |
| | (b) | (ii) | Jelaskan **dua** contoh perbuatan seseorang menyembunyikan sedekahnya.<br><br>**Dua** contoh perbuatan seseorang yang menyembunyikan sedekahnya ialah :<br>P1 - Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian.<br>P2 - Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.<br>P3 - Tidak menceritakan tentang sedekah yang diberikan / sedekah duit secara senyap-senyap / tidak memberitahu / tidak menghebohkan / tidak menunjuk-nunjuk.<br>P4 - Membelanja makan minum tanpa pengetahuan orang tersebut.<br><br>Catatan :<br>Mesti menunjukkan menyembunyikan<br><br>**Jawapan tidak diterima :**<br>**Sifat sedekah :**<br>**-Bersedekah dengan ikhlas**<br>**-Tidak mengharap balasan Allah** | 2isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas.<br>**Dua** pengajaran daripada hadis di atas ialah:<br>1. Kita hendaklah **berlaku adil dalam setiap tindakan** /1m kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah. /1m<br>2. Kita hendaklah **memanfaatkan usia muda** /1m dengan mendekatkan diri kepada Allah. /1m<br>**3.** Kita hendaklah **berusaha untuk mengimarahkan masjid** /1m agar syiar Islam dapat ditegakkan./1m<br>-Contoh-contoh mengimarahkan masjid dengan syarat mesti ada masjid (Solat berjemaah di masjid, bergotong royong di masjid)<br>4. Kita hendaklah **saling mengasihi /**1m supaya masyarakat hidup aman / damai. /1m<br>5. Kita hendaklah **menjauhi perbuatan maksiat** /1m agar selamat daripada kemurkaan Allah. /1m<br>6. Kita hendaklah **berusaha memperbanyakkan sedekah** /1m kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa.1m<br>7. Kita hendaklah **melazimi amalan zikrullah** /1m agar jiwa kita tenang./1m | 2isi x 2m<br>= 4m<br>1isi = 1m<br>1H = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Catatan :<br>- Hanya jawapan ini sahaja diterima.<br>- Fokus kepada tujuh golongan dalam hadis sahaja.<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Kita hendaklah berusaha menjadi tujuh golongan yang mendapat naungan Allah agar menjadi insan yang berguna** | |
| | (c) | (i) | Terangkan mana-mana satu hukum dan cara bacaan mad silah.<br><br>Mana-mana **satu** hukum dan cara bacaan mad silah ialah :<br>P1 - Mad Silah Qasirah /1m<br>bacaannya <u>panjang</u> 2 harakat /1m<br>P2 - Mad Silah Tawilah /1m<br>bacaannya <u>panjang</u> 4 atau 5 harakat/1m<br><br>Catatan:<br>- Nama hukum 1m dan cara bacaan 1m<br>- Nama hukum betul =1m, cara baca salah =0m<br>- Nama hukum salah=0m, cara baca betul =0m | 1isi x 2m<br>= 2m |
| **2** | (a) | (i) | Apakah maksud al-Syahid?<br><br>Maksud al-Syahid ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha **menyaksikan** /1m segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk/1m serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya./1m<br><br>Catatan :<br>- Perkataan **menyaksikan** wajib ditulis dalam jawapan calon.<br>- Keratan pertama wajib ada.<br>- Keratan kedua dan ketiga adalah pilihan.<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Maha Melihat** | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** bukti yang menunjukkan Allah SWT bersifat al-Syahid.<br><br>**Dua** bukti yang menunjukkan Allah SWT bersifat al-Syahid ialah<br>P1 - Allah SWT menjadi **saksi** bahawa **Rasulullah SAW** telah diutuskan ke atas umat-Nya.<br>P2 - Allah SWT Maha **menyaksi dan menghitung segala amal** perbuatan manusia ketika hidup di dunia.<br>P3 - Allah SWT sahaja yang menjadi **saksi atas segala perkara** sama ada yang **nyata atau yang tersembunyi**.<br>P4 - Allah SWT menjadi **saksi ke atas pembohongan** orang-orang munafik.<br><br>Catatan :<br>- Jawapan ini sahaja diterima<br>- Mesti ada perkataan saksi / menyaksikan dalam ayat. Sekiranya tidak ada perkataan saksi / menyaksikan X 0m | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT :<br><br>Stimulus: Keratan akhbar berkaitan rasuah.<br><br>Kaitkan pernyataan dalam berita di atas dengan nama Allah SWT al-Syahid.<br><br>Rubrik penskoran<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contohyang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapantepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Contoh jawapan:<br><br>Orang-orang yang beriman dengan sifat **Allah al-Syahid** tidak akan melakukan perbuatan **rasuah** (I) kerana mereka memahami bahawa Allah SWT sedang menyaksikan perbuatan terkutuk yangdilakukan tersebut.(H) Kesannya mereka akan menjadi umat Islam yang diredhai oleh Allah SWT.(HL) Kesimpulannya kita mestilah menjauhi larangan Allah SWT agar hidup aman damai.(K)<br><br>Perbuatan meminta / memberi / menerima **rasuah** mestilah dielakkan(I) kerana **Allah menyaksikan** dan menghitung semua perbuatan manusia samada dilakukan secara terbuka atau tersembunyi (H). Orang yang terlibat dengan rasuah akan dilaknat Allah dan akan diazab di akhirat kelak (HL). Oleh itu, sebagai umat Islam kita perlu berwaspada dalam setiap tindakan agar terhindar daripada melakukan larangan-Nya (K).<br><br>Catatan:<br>- Jawapan menjurus kepada Allah SWT bersifat Maha Menyaksikan dan perlu dikaitkan dengan isu rasuah | 4 markah |
| | (b) | (i) | Nyatakan maksud batal iman melalui <u>iktikad.</u><br><br>Maksud batal iman melalui iktikad ialah :<br>Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan **Uluhiyyat** (ketuhanan), **al-Nubuwwat** (kenabian), perkara **al-Ghaibiyyat** (ghaib) dan **al-Syariat**./2m<br><br>Catatan :<br>- Menulis 3 perkara dan 4 perkara = 2m<br>- Menulis 2 perkara = 1m<br>- Menulis 1 perkara = 0m | 1 isi x 2m<br>= 2m |

Rubrik penskoran (iii):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contohyang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapantepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Jelaskan **dua** contoh <u>iktikad</u> yang membatalkan iman dari <u>aspek syariat.</u><br><br>**Dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek Syariat ialah:<br>P1 - Mengingkari / tidak percaya rukun Islam atau satu daripadanya. / contoh-contoh daripada rukun Islam.<br>P2 - Mengingkari / tidak percaya hukum yang ditetapkan oleh Allah SWTseperti menghalalkan zina / liwat<br>P3 - Beriktikad bahawa undang-undang Islam / syariat Islam adalah lapok / tidak sesuai di gunakan lagi.<br><br>Catatan:<br>- Jawapan mesti tulis mengingkari / tidak percaya<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Berniat (Berniat hendak mencuri X 0m)** | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | Terangkan **dua** cara <u>anda</u> menjauhi perkara yang membatalkan iman.<br><br>**Dua** cara saya menjauhi perkara yang membatalkan iman ialah:<br>P1 - Mendalami **ilmu agama** /1m supaya dapat mengetahui batas-batas iman dan kufur./1m<br>P2 - Bersahabat **dengan orang soleh** /1m agar dapat membimbing diri kepada kebaikan./1m<br>P3 - Melakukan **amal soleh**/1m supaya boleh mengukuhkan keimanan / keyakinan kepada Allah SWT/ Rasul./1m<br>**P4 - Mengkaji / memastikan** sesuatu kepercayaan dan amalan /1m adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah./1m<br>**P5 - Berdoa** / memohon petunjuk Allah SWT/1m agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam./1m<br>P6 - Sentiasa beristighfar / **memohon keampunan** daripada Allah SWT /1m atas doa / kesalahan yang dilakukan. /1m<br><br>Catatan :<br>- Jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>1 isi = 1m<br>1 H = 1m |
| | | | | |
| **3** | (a) | (i) | Nyatakan maksud korban.<br><br>Maksud korban ialah:<br>Menyembelih binatang **ternakan (al An'am)**, /1m pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik, /1m bertujuan mendekatkandiri kepada Allah SWT. /1m<br><br>Catatan:<br>- Keratan pertama wajib ada.<br>- Keratan kedua dan ketiga merupakan pilihan (salah satu).<br>- Mesti ada perkataan binatang ternakan atau al-An'am | 1 isi x 2m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Jelaskan **dua** perkara sunat korban.<br><br>**Dua** perkara sunat korban ialah:<br>P1 - Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kuku pada permulaan bulan Zulhijjah sehingga selesai berkorban.<br>P2 - Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri / tidak mewakilkan kepada orang lain jika mampu.<br>P3 - Melaksanakan segala sunat sembelihan contohnya menghadap arah kiblat / alat sembelihan yang tajam.<br>P4 - Membaca "**Bismillahi Allahuakbar"** / berselawat keatas Rasulullah SAW ketika menyembelih.<br>P5 - Berdoa semasa hendak menyembelih.<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Disunatkan tidak bercukur (tanpa ada masa : bulan Zulhijjah sehingga selesai berkorban)**<br>- **Melaksanakan segala sunat sembelihan (mesti ada contoh)**<br>- **Membaca "Bismillahi Allahuakbar" /berselawat (mesti ada perkataan ketika menyembelih)**<br>- **Berdoa (mesti ada perkataan ketika menyembelih)** | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | Jelaskan **dua** cara untuk membahagikan daging korban.<br><br>**Dua** cara untuk membahagikan daging korban ialah:<br>P1 - 1/3 disedekahkan pada kepada fakir / miskin.<br>P2 - 1/3 dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya / jiran.<br>P3 - 1/3 dimakan oleh pihak yang berkorban / anggota keluarganya.<br>P4 - Bagi korban nazar wajib disedekahkan **semua** daging kepada fakir / miskin.<br><br>Catatan:<br>- Jawapan P1 – P3 mesti ada 1/3. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iv) | Terangkan **dua** hikmah ibadah korban.<br><br>**Dua** hikmah ibadah korban ialah:<br>P1 - Dapat **mengagungkan syiar Islam**/1m yang merupakan tanda ketakwaan kepada Allah SWT.1m<br>P2 - Dapat **mendekatkan diri kepada Allah** SWT/1m kerana melakukan amalan sunat./1m<br>P3 - Dapat **mengeratkan persaudaraan umat Islam**/1m melalui amalan pembahagian daging korban./1m<br>P4 - Dapat **membuktikan kesyukuran kepada Allah** SWT/1m agar rezeki yang diperoleh akan diberkati./1m<br>P5 - **Menghayati pergorbanan** yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim/1m untuk menaikkan semangat jihad. /1m<br>Catatan :<br>- Jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>1 isi = 1m<br>1 H = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Nyatakan maksud walimatulurus.<br><br>Maksud walimatulurus ialah **kenduri** yang diadakan sempena **perkahwinan**.<br><br>Catatan:<br>- Wajib ada perkataan perkahwinan / kahwin / nikah.<br>- Kenduri kahwin – 2 markah<br>- Tiada markah -1m<br>- Kenduri - 0m | 1 x 2m<br>=2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** tujuan pensyari'atan Walimatulurus.<br><br>**Dua** tujuan pensyari'atan walimatulurus ialah:<br>P1 - Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan.<br>**Fokus mesti kepada mensyukuri nikmat atas perkahwinan**<br>**Tidak diterima :**<br>**Mensyukuri nikmat Allah SWT - 0m**<br>P2 - Merapatkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain.<br>P3 - Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat / mengisytiharkan pasangan mempunyai hubungan sah disisi agama.<br>P4 - Mengelakkan fitnah dalam masyarakat terhadap pasangan<br><br>Catatan :<br>- Jawapan munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | **KBAT**<br><br>GAMBAR MERENJIS PENGANTIN<br><br>Kemukakan pendapat anda.<br><br>Rubrik penskoran | 4 markah |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:

P1 - Mempunyai unsur khurafat.
P2 - Terpengaruh dengan budaya agama lain.
P3 - Perkahwinan tidak mendapat keberkatan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Catatan :<br>- Perbuatan yang diterima adalah bersanding dan merenjis<br>- Sekiranya murid memberi jawapan bersanding perlu ikut situasi untuk memberi hukum haram atau harus ( Persandingan dibolehkan sekiranya untuk ahli keluarga sahaja............)<br><br>Contoh jawapan:<br><br>Situasi di atas dilarang dalam Islam(I) kerana mengandungi unsur khurafat seperti perbuatan merenjis.(H) Hal ini kerana meniru upacara agama lain / menyebabkan terbatal iman seseorang / perkahwinan tidak diberkati oleh Allah SWT.(HL) Oleh itu kita hendaklah memastikan majlis walimatul urus yang diadakan mengikut landasan Syariat Islam agar diberkati-Nya.(K) | |
| | | | | |
| **4** | (a) | (i) | Senaraikan **dua** tempat yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.<br><br>**Dua tempat** yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah ialah<br>P1 - Sogut<br>P2 - Bursa<br>P3 - Edirne<br>P4 - Istanbul<br><br>Catatan<br>- Hanya jawapan ini sahaja diterima | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyah.<br><br>**Dua** faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniyah ialah:<br>P1 - Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat/ 2m sehingga kalah dalam peperangan<br>P2 - Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi /2m.<br>P3 - Wujud gerakan yang menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah/ 2m menyebabkan negara tidak stabil.<br>P4 - Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir/ 2m untuk membangunkan negara.<br>P5 - Persaingan politik dalaman istana dan perebutan dalam kalangan putera-putera raja/ 2m untuk mendapatkan kuasa.<br><br>Catatan :<br>- Jawapan ini sahaja diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Jawapan tidak diterima**<br>- **Tentera yang lemah (mesti fokus kepada teknologi)**<br>- **Teknologi ketenteraan yang ketinggalan.**<br>- **Kemerosotan ekonomi**<br>- **Kelemahan sistem pendidikan**<br>- **Persaingan politik dalaman istana** | |
| | | (iii) | Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.<br><br>**Dua** iktibar pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah:<br>P1 - Kita hendaklah **memilih pemimpin yang berwibawa** /1m supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.1m<br>P2 - Kita hendaklah sentiasa **memperbanyak penerokaan ilmu** /1m agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.1m<br>P3 - Kita hendaklah sentiasa menghayati **semangat cintakan negara / bersatu padu /bersifat patriotik /hormat menghormati**/1m agar rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh.1m<br>P4 - Kita hendaklah **sentiasa berpegang pada ajaran Islam**/1m supaya hidup diberkati Allah SWT.1m<br>P5 - Kita hendaklah **menolak campur tangan asing** /1m untuk menjaga kedaulatan negara. 1m<br><br>Catatan :<br>- Isi jawapan ini sahaja diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br>1 isi = 1m<br>1 H = 1m |
| | (b) | (i) | Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Abu Hanifah<br><br>Riwayat hidup Imam Abu Hanifah rahimahullah ialah:<br>P1 - Nama Penuh: Al-Nukman bin Thabit/1m al-Kufi<br>P2 - Tarikh Lahir : 80 Hijrah<br>P3 – Lahir di Kufah<br>P4 - Tarikh Wafat : 150 hijrah<br>P5 - Kuniah : Abu Hanifah<br>P6 - Keperibadian : sangat memuliakan ilmu pengetahuan / kuat beribadat / seorang yang pemurah / tidak terpengaruh dengan pangkat dan kedudukan.<br>P7 - Guru tersohor : Hammad bin Abi Sulaiman / Ata' bin Yasar/ 'Amru bin Dinar<br><br>Catatan :<br>- Nama orang, tempat dan tarikh mestilah tepat.<br>- Keperibadian tokoh : hanya salah satu keperibadian sahaja diterima. | 2 isi x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Jelaskan **dua** sumbangan Imam Abu Hanifah rahimahullah.<br><br>Dua sumbangan Imam Abu Hanifah rahimahullah.<br>P1 - Hasil karya : Al-Faraid / Al-Fiqhu Al-Akbar / Al ‘Alimu wal Muta’allim<br>P2 - Mengasaskan mazhab berdasarkan : fatwa para sahabat (Aqwal Sahabah) / Qias / Istihsan / Ijma’ / ‘Uruf<br>**Wajib menulis kelima-lima sumber mengikut urutan**<br>P3 - Melahirkan murid yang terkenal : Abu Yusuf / Muhammad bin Hasan al-Syaibani / Zufar bin al-Huzail<br>P4 - Mazhab Hanafi tersebar : di seluruh Asia Tengah dan Eropah<br>Asia Tengah / Eropah – salah satu diterima<br>P5 – Mengasaskan mazhab Hanafi/ Pengasas Mazhab Hanafi.<br><br>Catatan :<br>- Nama orang dan tempat mestilah tepat.<br><br>**Jawapan tidak diterima :**<br>- **Menghasilkan karya**<br>- **Mengasaskan mazhab**<br>- **Melahirkan murid yang terkenal** | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | **KBAT**<br><br>Imam Abu Hanifah rahimahullah dikenali sebagai seorang tokoh yang kuat beribadat.<br><br>Bagaimanakah anda mencontohi sifat di atas untuk menjadi pelajar cemerlang di dunia dan akhirat.<br><br>Cadangan Isi :<br>P1 - Melazimi qiamullail.<br>P2 - Sentiasa berpuasa sunat.<br>P3 - Selalu khatam al-Quran.<br><br>Catatan<br>- Fokus kepada kuat beribadat<br><br>Contoh Jawapan :<br>Saya akan memperbanyakkan amalan qiamullail(I) untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.(H) Hikmahnya, saya akan lebih bertawakkal kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh di dalam pelajaran.(HL) Oleh itu kita hendaklah sentiasa berusaha mencontohi keperibadian tokoh- tokoh Islam dalam kehidupan agar berjaya di dunia dan di akhirat.(K) | 4 markah |
| | | | | |

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nyatakan maksud wasatiyyah.<br><br>Maksud wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana,seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.2m<br><br>Catatan :<br>- Tiada markah 1m<br>- Wajib ada 4 perkara di atas.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Jelaskan dua cara mengamalkan keseimbangan dari aspek <u>jasmani.</u><br><br>Dua cara mengamalkan keseimbangan dari aspek jasmani.ialah:<br>P1 - Mengambil makanan yang baik /1m seimbang demi kesihatan badan.<br>P2 - Berehat untuk menghilangkan kepenatan/1m bekerja.<br>P3- Memenuhi keperluan biologi /1m fitrah manusia contohnya keperluan untuk berkahwin / tidak berpuasa sepanjang tahun / beribadah tanpa rehat.<br>Catatan :<br>- Jawapan yang menjurus kepada aspek jasmani diterima.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><br>Cadangan langkah untuk mengatasi sikap membazir yang sering berlaku dalam masyarakat<br><br>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>P1 - Simpan lebihan makanan dengan elok / masak semula makanan yang disimpan.<br>P2 - Rancang pembelian makan / menu / barangan dengan baik.<br>P3 - Kurangkan pembelian barangan yang tidak perlu.<br>P4 - Sedekahkan makanan yang belum disentuh kepada masjid atau surau.<br>P5 - Menggunakan sumber air dengan bijaksana<br>P6 - Menjadikan sisa makanan sebagai baja organik kepada tumbuhan /pengkomposan.</td><td>4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan:<br><br>Setiap orang mestilah merancang pembelian dengan teliti(I) supaya tidak membeli barang-barang bukan keperluan.(H) Hal ini akan menjimatkan wang perbelanjaan untuk tujuan yang lebih penting.(HL) Oleh itu, kita sewajarnya menanam rasa syukur di dalam diri di atas nikmat yang telah dikurniakan oleh-Nya.(K) | |
| | (b) | (i) | Apakah maksud tawaduk?<br><br>Maksud tawaduk ialah sikap **kerendahan hati** kepada AllahSWT dan sesama manusia./2m<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Kerendahan diri** | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | Jelaskan contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika makan dan minum<br><br>Contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika makan dan minum ialah :<br>P1 - Baginda tidak mencela makanan yang tidak disukainya.<br>P2 - Baginda tidak menzahirkan perasaan sebaliknya hanya berdiam diri apabila tidak menyukai makanan.<br>Catatan :<br>- Jawapan ini sahaja diterima.<br><br>**Jawapan tidak diterima**<br>- **Contoh perbuatan tidak diterima:**<br>**(Rasulullah tidak membuang makanan.......)** | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (iii) | Terangkan hikmah mengamalkan sifat tawaduk terhadap individu.<br><br>Hikmah mengamalkan sifat tawaduk kepada individu ialah:<br>P1 - Membentuk insan yang bertakwa/1m kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah. /1m<br>P2 - Dikasihi masyarakat/1m kerana tidak bersikap sombong./1m<br>P3 - Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT/1m kerana sentiasa bersyukur. /1m<br>Catatan :<br>- Jawapan mesti fokus kepada individu sahaja<br>- Jawapan munasabah ini diterima. | 1 isi x 2m<br>= 2m<br>1 isi = 1m<br>1 H = 1m |
| | | (iv) | **KBAT**<br>Terdapat segelintir golongan yang berpangkat dan berharta sering mempamerkan harta mereka kepada umum sehinggamengabaikan sifat tawaduk.<br><br>Pada pandangan anda, mengapakah situasi di atas berlaku?<br><br>Rubrik penskoran | 4 markah |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menjelaskan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:

P1 - Tidak mengamalkan sifat mahmudah.
P2 - Terpengaruh dengan kemewahan harta.
P3 - Keseronokan / keterujaan dengan teknologi digital.
P4 - Iman yang lemah
P5 - Kurang didikan agama

Cadangan jawapan:

Pada pandangan saya situasi ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai iman yang kukuh.(I) Hal ini akan menyebabkan timbulnya perasaan riak dalam kehidupan mereka.(H) Contohnya dengan mempamerkan koleksi kereta mewah kepada orang ramai di media massa (HL). Kesimpulannya setiap kelebihan pangkat dan harta perlu disertakan dengan sifat tawaduk dalam diri setiap individu yang beriman.(K)

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**